

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RAG 161 Teknologi Binaan I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi
TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan
peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. (a) Dengan bantuan lakaran bezakan antara dinding
rongga dan dinding setengah batu bata.
(8 Markah)
- (b) Mengapakah jalur logam diperlukan dalam kerja
batu bata?
(2 Markah)
- (c) Jelaskan dengan terperinci kerja penyusunan batu
bata untuk dinding bangunan yang akan dipasangkan
dengan tingkap. (Dalam hal ini struktur tiang
dan rasuk adalah terdiri daripada konkrit).
(15 Markah)
2. (a) Mengapakah konkrit perlu dipadatkan. Beri Dua
kaedah pemadatan yang selalu digunakan berdasar
kepada skop kerja?
(5 Markah)
- (b) Apakah kuring dan mengapa ia diperlukan dalam
kerja konkrit?
(5 Markah)

- (c) Mengapakah pematian diperlukan bagi bar keluli dalam struktur konkrit?

Beri Dua contoh pematian untuk struktur konkrit.

(7 Markah)

- (d) Apakah dimaksudkan dengan Honey Comb (honey comb) dalam kerja konkrit dan jelaskan cara untuk memulihkannya?

(8 Markah)

3. (a) Setelah tapak bina ditentukan, jelaskan langkah-langkah seterusnya sebelum kerja mendirikan bangunan dimulakan.

(15 Markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan penahan liang dan mengapakah ia diperlukan dalam kerja pengorekkan?

(6 Markah)

- (c) Lakarkan komponen penahan liang untuk tanah longgar basah.

(4 markah)

4. (a) Apakah lapisan kalis lembap (LKL) dan mengapakah ia diperlukan dalam lantai konkrit?

(5 Markah)

- (b) Lakarkan dua kaedah perletakan LKL yang selalu diamalkan dalam lantai konkrit.

(8 Markah)

- (c) Lakarkan penyambungan komponen untuk struktur lantai kayu supaya ianya mudah diganti apabila reput.

(12 Markah)

5. (a) Lakarkan rangka bumbung limas dan namakan bahagian-bahagian tertentu.

(10 Markah)

- (b) Dengan bantuan lakaran bezakan antara binaan bumbung genting dan bumbung kepingan logam.

(15 Markah)

-ooo00ooo-